

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI PERNIAGAAN: ANALISA PERBANDINGAN INDUSTRI KRAF DI MALAYSIA DAN INDONESIA

FACTORS INFLUENCING BUSINESS PERFORMANCE: THE COMPARATIVE ANALYSES OF MALAYSIA AND INDONESIA CRAFT INDUSTRIES

Ehsan Fansuree Surin¹
Norashikin Hussein²
Mohd. Khalil Omar³
Oswald Timothy Edward⁴

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, (E-mail: efansuree@uitm.edu.my)

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, (Email: shikin6320@uitm.edu.my)

³Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, (E-mail: khalil.omar@uitm.edu.my)

⁴Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, (E-mail: oswald@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 7-10-2022

Revised date : 8-10-2022

Accepted date : 13-12-2022

Published date : 26-12-2022

To cite this document:

Surin, E. F., Hussein, N., Omar, M. K., & Edward, O. T. (2022). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Prestasi Perniagaan: Analisa Perbandingan Industri Kraf di Malaysia dan Indonesia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(17), 31 - 41.

Abstrak: Artikel ini bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan di dalam industri kraf di Malaysia dan Indonesia. Didapati tiga faktor penting yang mempengaruhi prestasi perniagaan iaitu perhubungan perniagaan, khidmat bantuan serta peraturan dan polisi kerajaan. Data-data telah dikutip menggunakan borang soal selidik dan teknik bersemuka digunakan untuk penyerahan borang kepada usahawan. Teknik persampelan rawak mudah juga digunakan untuk mengutip data dari usahawan kraf di Malaysia dan di Indonesia. Sebanyak 50 borang soal selidik telah berjaya diperolehi masing-masing dari usahawan dari Malaysia dan Indonesia. Ujian T sampel bebas digunakan untuk menganalisa data untuk menjawab ketiga-tiga pernyataan hipotesis. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor antara usahawan Malaysia dan Indonesia terhadap ketiga-tiga faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan. Perbincangan, cadangan kepada kajian akan datang dan kekangan di dalam kajian ini juga dibincangkan

Kata Kunci: Industri Kraf, Prestasi Perniagaan, Malaysia, Indonesia

Abstract: The purpose of this article is to examine factors that influencing the business performance in the craft industries in Malaysia and Indonesia. It was found that three main factors that influencing the business performance namely business networking, service assistance as well as government regulation and policy. Data were collected by using

questionnaire and face to face technique were used in distributing the questionnaire. The simple random sampling technique was used to collect the data from the craft entrepreneurs in Malaysia and Indonesia. There were 50 questionnaires were successfully collected. Independent sample T test was employed to analyse the data in response to those three hypotheses statements. The findings reveal that there were significant differences on the score for those three factors between craft entrepreneurs in Malaysia and Indonesia. Discussion, suggestion for future research as well as limitation are also been discussed.

Keywords: *Craft Industry, Business Performance, Malaysia, Indonesia*

Pengenalan

Persaingan di dalam industri kraftangan semakin sengit seiring dengan peredaran globalisasi. Industri kraf merupakan antara cabang industri yang harus dipelihara dan ditingkatkan nilai keseniannya supaya tidak ditelan zaman. Ini kerana industri ini sering dikaitkan dengan nilai estetika yang tinggi akan tetapi industri ini seakan mengalami kemerosotan dari segi penyambungan tradisi kerana kehilangan bakat dan kesukaran mendapatkan bahan mentah merupakan antara faktor mengapa industri ini hampir gagal bertapak (Asri, 2021; Sahari, 2011).

Produk kraf membawa maksud sesuatu produk berseni yang dihasilkan secara manual atau separa manual serta bercirikan budaya dan tradisional (Malaysia, 2001). Fabeil et al. (2014) mencadangkan definisi kraf sebagai suatu produk buatan tangan yang menitikberatkan penggunaan bahan, rekabentuk dan hasilkerja yang bermutu tinggi. Definisi yang dicadangkan selari dengan definisi yang dirangka oleh Rogerson (2010). Menurut Rogerson, sesuatu produk kraf yang dibina perlu melalui proses 80 peratus pembuatan tangan dan menggunakan pelbagai bahan termasuk tanah liat, gentian fiber, tekstil dan sebagainya. Produk kraf juga telah menjana pendapatan lumayan kepada usahawan malah terdapat sebilangan pengusaha yang telah berjaya melebarkan perniagaan ke luar negara (Kraftangan Malaysia, 2016; Nik Day, 2015).

Realitinya, kadar pengkomersialan produk-produk kraftangan ini masih berada di tahap sederhana. Usahawan di dalam industri kraftangan ini masih beroperasi pada skala mikro dan kecil serta menyertai industri ini sebagai perniagaan separuh masa (Fabeil et al., 2015). Didapati juga kes-kes usahawan yang kurang komited untuk meningkatkan nilai tambah pada produk serta tidak kompetitif lalu sukar untuk bersaing di peringkat global (Wan Teh, 1996). Kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah juga merupakan antara halangan terbesar untuk industri ini meneruskan perniagaan (Mohamad Akhir dan Ismail, 2015). Ini diburukkan lagi dengan kehadiran wabak COVID19 pada tahun 2020. Natiujahnya, pada tahun 2021, sebanyak 150 usahawan kraf telah beralih arah dari bidang yang memerlukan kemahiran tinggi ini dan menceburi bidang lain (Sinar Harian, 2021).

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk mengkaji industri kraf ini. Antaranya, penyelidik terdahulu telah mengkaji faktor yang menentukan pembentukan perniagaan kraf (Fabeil, 2013). Kajian lain juga melibatkan kajian ciri-ciri personaliti usahawan (Fabeil et al., 2014). Seterusnya, kajian dari sarjana yang lain seperti permasalahan dalam pembangunan perniagaan di dalam industri kraf ini juga telah diselidiki (Mohamad Akhir dan Ismail, 2015). Akan tetapi, kajian yang menjurus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan bagi industri kraf ini masih kurang terutama di negara-negara membangun seperti Malaysia dan Indonesia. Malah, kajian melibatkan perbandingan antara dua negara juga amat kurang diberi

perhatian. Oleh itu artikel ini membincangkan tiga faktor utama yang mempengaruhi prestasi perniagaan di dalam industri kraf. Kajian berkaitan faktor mempengaruhi ini amat penting supaya usahawan-usahawan di dalam industri kraf ini dapat melihat setiap faktor tersebut sebagai salah satu strategi pengukuhan prestasi perniagaan. Artikel ini juga turut melibatkan analisa perbandingan skor antara dua negara serantau iaitu Malaysia dan Indonesia.

Kajian Literatur

Faktor-faktor Mempengaruhi Prestasi Perniagaan

Hubungan Perniagaan

Pada awal permulaan penyelidikan terhadap hubungan perniagaan, penyelidik-penyelidik telah mengkaji gelagat sesebuah perniagaan untuk mendapatkan sesuatu sumber menerusi teori Resource Dependence (Pfeffer dan Salancik, 1978). Teori Resource Dependency memperlihatkan bahawa kejayaan sesebuah perniagaan itu bergantung kepada sumber yang diperolehi dari pihak lain (Wang et al., 2021). Misalan, sumber bahan mentah perlu diperolehi disebabkan ketidakupayaan sesebuah perniagaan itu untuk menyediakan sumber bahan mentah itu sendiri. Jenis-jenis sumber juga tidak terhad kepada bahan mentah semata-mata malah merangkumi sumber tidak ketara seperti khidmat nasihat dan motivasi (Fabeil, 2013). Seterusnya, dengan sumber-sumber yang diperolehi akan digunakan oleh usahawan untuk merangka strategi.

Hubungan perniagaan amat penting bukan sahaja ketika permulaan sesebuah perniagaan malah merangkumi perniagaan yang telah stabil (Pettersen et al., 2016; Surin dan Wahab, 2013). Pada permulaan perniagaan, hubungan perniagaan lebih bersifat tidak langsung yakni hubungan lebih kepada penglibatan ahli keluarga, sanak saudara, sahabat handai dan juga kenalan yang melibatkan diri di dalam perniagaan. Menjelang perniagaan berkembang, hubungan perniagaan ini lebih kepada hubungan langsung yang melibatkan agensi kerajaan dan pihak berkaitan pengembangan perniagaan seperti pemberi dana dari pihak swasta (Birley, 1985). Satu aspek yang sering diperkatakan didalam hubungan perniagaan ini adalah kedudukan seseorang di dalam satu kumpulan (centrality). Usahawan yang berada di dalam sesuatu kelompok perniagaan dan menjadi penghubung kepada usahawan-usahawan yang lain di dalam kelompok perniagaan tersebut akan mendapat faedah seperti informasi yang baru (Surin, 2014).

Di dalam industri kraf ini, adalah penting untuk sesuatu perniagaan untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi perniagaan. Artikel ini mengandaikan kebergantungan perniagaan terhadap hubungan perniagaan ini sama penting antara industri kraf di Malaysia dan Indonesia. Oleh itu hipotesis yang dicadangkan adalah seperti berikut;

H_0 Tidak terdapat perbezaan skor hubungan perniagaan antara industri kraf di Malaysia dan Indonesia

Khidmat Bantuan

Khidmat bantuan terbentuk dari dua sumber, pertama dari sumbangan dari pihak kerajaan dan yang kedua dari pihak swasta. Pihak kerajaan menyalurkan khidmat bantuan dari agensi yang dilantik seperti lantikan dari sesuatu kementerian. Manakala pihak swasta menghulurkan bantuan dan bersifat meraih keuntungan. Lima aspek bantuan yang diberikan untuk membantu para usahawan adalah; bantuan kewangan dan kredit, bantuan teknikal dan latihan, pengembangan dan khidmat nasihat, pemasaran dan penyelidikan pasaran beserta bantuan

infrastruktur (Abdullah, 1999). Dalam artikel ini, khidmat bantuan ditakrifkan sebagai bantuan fizikal dan bukan fizikal dari pihak kerajaan dan swasta untuk menyokong pertumbuhan sesuatu perniagaan.

Namun begitu, kajian mendapati bahawa bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan masih belum mencapai objektifnya. Didapati bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada ketidaksampaian bantuan kerajaan itu terdiri dari kerenah birokrasi, tiada cagaran oleh pihak usahawan dan tiada rekod yang teratur untuk meyakinkan bahawanya sesuatu perniagaan itu berjaya mendapatkan khidmat bantuan (Abu Bakar, 2008). Malah prosedur lama yang digunapakai oleh pihak bank yang memberi keutamaan kepada pelanggan sedia ada agak menyulitkan usahawan baru untuk mendapatkan bantuan. Ini kerana kepada pemohon baru, kaedah ini akan mengambil masa yang agak lama untuk diproses.

Akan tetapi, bagi pihak perusahaan kecil dan sederhana pula, kritikan dijelmakan pula setelah khidmat bantuan diberikan oleh pihak pemberi bantuan. Didapati hubungan negatif antara khidmat bantuan dan prestasi perniagaan. Ketidakupayaan usahawan untuk mentadbir urusan bantuan yang diterima dikatakan antara punca hubungan kedua-dua pembolehubah ini bersifat negatif (Lewis et al., 2007). Chow (2004) dalam kajian beliau memperlihatkan bahawa antara kelemahan usahawan adalah ketiadaan suatu sistem yang baik terutama dalam aspek pengurusan kewangan. Pengakhirannya, perniagaan tersebut terdedah kepada ketentuan prestasi kerana tidak mempunyai sistem rekod yang sempurna untuk menilai prestasi perniagaan.

Majoriti perniagaan di industri kraf ini beroperasi di kawasan luar bandar dan menghadapi pelbagai rintangan untuk dimajukan (Fabeil, 2013). Kader et al. (2009) berkata, usahawan di luar bandar amat memerlukan khidmat bantuan seperti latihan dan pendidikan dari pihak kerajaan dan melihat kedua-dua faktor ini amat kritikal untuk pengembangan perniagaan. Disebabkan khidmat bantuan ini amat penting untuk pengembangan perniagaan di dalam industri kraf, artikel ini mengandaikan khidmat bantuan dari pihak kerajaan dan swasta amat signifikan untuk perkembangan perniagaan di Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah;

H₀ Tidak terdapat perbezaan skor khidmat bantuan antara industri kraf di Malaysia dan Indonesia

Peraturan dan Polisi Kerajaan

Peraturan dan polisi yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan di dalam industri kraftangan ini bertujuan untuk membantu, memelihara, pemuliharaan dan melindungi industri kraftangan. Sebagai contoh, pembangunan usahawan kraf di Malaysia pada peringkat awal harus dimulakan dengan pembentukan pemikiran berorientasikan keusahawanan disamping disokong dengan ekosistem keusahawanan. Kesenambungan pembentukan berorientasikan keusahawanan, polisi pihak kerajaan untuk melihat sesuatu keluaran kraftangan yang lebih bermutu perlu dijalankan dengan rekabentuk dan pembangunan hasil. Program ini disokong pula dengan Program Perantisan Kemahiran dan juga Program Pembangunan Komuniti (Dasar Keusahawanan Nasional, 2019).

Malah, program pembangunan usahawan kraf juga diwujudkan untuk meningkatkan daya saing hasilan kraftangan dan juga untuk memelihara kesinambungan perniagaan supaya terus bertapak. Selain itu Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) diwujudkan dalam Rancangan

Malaysia Keenam (RMK6) bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan juga memusatkan tumpuan kepada penggunaan penuh tenaga kerja (Malaysia, 1991).

Kepentingan keusahawanan sebagai ejen untuk pembasmian kemiskinan juga dijalankan di Indonesia dengan usaha dijalankan oleh Kementerian Pemukiman dan Prasarana wilayah dan kemudiannya diserahkan tugas kepada wilayah negeri di seluruh Indonesia (Astawi, 2011). Usaha-usaha lainnya yang mengangkat martabat hasil kraftangan ini juga dapat dilihat di Vietnam di mana diwujudkan satu perkampungan khas untuk kerja-kerja kraf. Kewujudan perkampungan kraf ini dilihat dapat mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar dan merencanakan kadar pelancongan (BERNAMA, 2022).

Atas dasar kepentingan peraturan dan dasar kerajaan amat penting untuk kemampuan industri kraf ini, penulisan ini mengandaikan usahawan kraf di Malaysia dan Indonesia bersetuju bahawa dengan adanya peraturan dan dasar untuk industri kraf ini dapat membantu mereka untuk berdaya saing. Oleh itu, hipotesis yang dicadangkan adalah;

H₀ Tidak terdapat perbezaan skor peraturan dan polisi kerajaan antara industri kraf di Malaysia dan Indonesia

Metod Kajian

Soalan kaji selidik merangkumi lima bahagian iaitu Bahagian A (latar belakang responden), Bahagian B (latar belakang perniagaan), Bahagian C (perhubungan perniagaan), Bahagian D (khidmat bantuan) dan bahagian E (peraturan dan polisi kerajaan). Setiap item di bahagian C, D dan E diukur melalui skala Likert iaitu 1 (sangat tidak bersetuju) hingga 7 (sangat bersetuju). Faktor-faktor perhubungan perniagaan, khidmat bantuan serta peraturan dan polisi kerajaan telah dipetik dan diubahsuai dari Saad (2014). Jadual 1 mempersembahkan senarai faktor dan sumber petikan. Kesemua item telah diolah kedalam Bahasa Melayu melalui dua kaedah pertukaran iaitu dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dan diterjemahkan semula ke Bahasa Inggeris supaya membawa pengertian yang selari. Bagi soalan kaji selidik di Indonesia iaitu di daerah Semarang, item-item telah disesuaikan dengan tutur dialek setempat.

Jadual 1: Senarai Faktor dan Sumber

Nombor	Faktor	Bilangan Soalan	Sumber
1	Perhubungan Perniagaan	5	Saad (2014)
2	Khidmat Bantuan	5	Saad (2014)
3	Peraturan dan Polisi Kerajaan	5	Saad (2014)

Nilai kebolehppercayaan bagi setiap pembolehubah dipersembahkan di dalam Jadual 2. Nilai kebolehppercayaan untuk setiap item diukur melalui nilai Cronbach alpha. Nilai Cronbach alpha bagi perhubungan perniagaan adalah 0.669 bagi industri kraftangan di Malaysia dan 0.712 di Indonesia. Manakala, bagi pembolehubah khidmat bantuan mempersembahkan nilai 0.925 (Malaysia) dan 0.920 (Indonesia). Bagi pembolehubah peraturan dan polisi perniagaan, nilai Cronbach's alpha adalah melebihi 0.8 iaitu 0.863 bagi industri kraf di Malaysia dan 0.805 di Indonesia. Nilai kebolehppercayaan melebihi nilai 0.6 membawa erti item-item di dalam borang kaji selidik mempunyai nilai konsistensi dalaman yang baik (Hulin et al., 2001).

Jadual 2: Nilai Cronbach Alpha Setiap Faktor

Faktor	Bilangan Soalan	Cronbach's Alpha Malaysia	Cronbach's Alpha Indonesia
Perhubungan Perniagaan	5	.669	.712
Khidmat Bantuan	5	.925	.920
Peraturan dan Polisi Kerajaan	5	.863	.805

Populasi bagi penyelidikan ini adalah seramai 325 orang dari kalangan usahawan kraf yang menyertai pameran Hari Kraf Kebangsaan Malaysia. Manakala tiada senarai terkini didapati bagi menggambarkan populasi usahawan kraf di daerah Semarang. Oleh itu, penyelidik terpaksa membina sendiri kerangka populasi hasil pertolongan dari ketua setiap jenis perusahaan. Hasilnya satu senarai berjumlah 115 usahawan berjaya dikumpul. Teknik persampelan rawak mudah digunakan dikedua-dua lokasi untuk mendapatkan data. Sebanyak 50 borang kajiselidik telah dikutip dari usahawan sekitar daerah Semarang menggunakan kaedah bersemuka. Begitu juga sebanyak 50 borang kajiselidik telah berjaya dikutip dari usahawan yang menyertai Hari Kraf Kebangsaan. Kaedah bersemuka digunakan adalah lebih berkesan kerana penyelidik dapat meyakinkan para responden untuk melibatkan diri didalam penyelidikan dan juga membantu untuk memberi penerangan lanjut jika terdapat kemusykilan terhadap soalan di dalam borang kajiselidik.

Dapatan Kajian

Analisa Deskriptif

Jumlah bilangan responden di dalam kajian ini adalah 50 orang di kedua-dua negara. Merujuk kepada Jadual 3, bentuk perniagaan kraf di Malaysia didominasi oleh perniagaan perseorangan berjumlah 44, sendirian berhad 5 manakala hanya 1 perniagaan bagi perkongsian. Untuk perniagaan kraf di Indonesia, perniagaan perseorangan juga mendominasi sebanyak 42, manakala perniagaan perkongsian dan sendirian berhad masing-masing menyumbang sejumlah dan 5 perniagaan. Bagi kategori bangsa, usahawan Melayu mendominasi perniagaan sebanyak 42, Bumiputera Sabah dan Sarawak (6) dan bangsa Cina sebanyak 2 orang. Manakala bangsa Jawa mencatat 100 peratus penglibatan di negara Indonesia.

Analisa deskriptif ini juga memperlihatkan jenis perniagaan tekstil mendominasi perniagaan kraf di Malaysia yang mengambil bahagian didalam penyelidikan ini dengan jumlah 19 perniagaan, diikuti hasil rimba (14), aneka (10), hasil tanah (4) dan perniagaan berasaskan logam (3) buah perniagaan. Bagi perniagaan kraf di daerah Semarang, perniagaan hasil rimba mencatatkan sejumlah 17 perniagaan, diikuti tekstil (15), aneka (11), logam (5) dan hasil tanah (2) perniagaan. Untuk pendapatan tahunan, didapati bahawa bagi industri kraf di Malaysia, majoriti perniagaan memperolehi pendapatan kurang RM10 ribu ringgit (31), antara RM10 ribu ke RM19999 (12), antara RM30 ribu ke RM39999 (3), manakala dua perniagaan masing-masing mencatat pendapatan tahunan antara RM20 ribu hingga RM29999 dan melebihi RM50 ribu. Manakala bagi perniagaan kraf di daerah Semarang, majoriti perniagaan mencatatkan jualan sebanyak kurang 10 juta Rupiah iaitu 28 pengusaha dan 16 pengusaha mencatatkan antara 10 juta ke Rupiah 19.99 juta, Manakala 6 pengusaha berjaya mencapai jualan melebihi 20 juta Rupiah.

Jadual 4 memperlihatkan nilai purata skor dan sisihan piawai bagi setiap faktor di kedua-dua negara. Nilai purata dan sisihan piawai bagi hubungan perniagaan di industri kraf di Malaysia adalah 4.196 dan 1.028 manakala industri kraf di Indonesia pula mencatat purata 3.692 dan

1.131. Bagi faktor khidmat bantuan, nilai purata adalah 4.196 (sisihan piawai= 1.537) di Malaysia manakala di Indonesia pula 1.864 dan sisihan piawai adalah 1.248. Faktor terakhir iaitu peraturan dan polisi kerajaan pula menunjukkan nilai 4.140 bagi purata dan sisihan piawai adalah 1.483 bagi industri kraf di Malaysia. Di Indonesia pula, nilai purata adalah lebih rendah iaitu 2.208 dan sisihan piawai adalah 1.275. Dapat dirumuskan nilai purata bagi ketiga-tiga faktor ini adalah lebih tinggi di industri kraf di Malaysia.

Jadual 3: Analisa Deskriptif Latar Belakang Responden dan Perniagaan

Ciri-ciri/Negara	Malaysia		Indonesia	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Bentuk perniagaan				
Perseorangan	44	88	42	84
Perkongsian	1	2	3	6
Sendirian Berhad	5	10	5	10
Bangsa				
Melayu	42	84		
Cina	2	4		
Bumiputera Sabah/Sarawak	6	6		
Jawa			50	100
Jenis Perniagaan				
Logam			5	10
Tekstil			15	30
Hasil Rimba			17	34
Hasil Tanah			2	4
Aneka			11	22
Pendapatan Tahunan				
RM0-RM9999/Rp0-Rp9.99 juta	31	62	28	56
RM10 ribu-RM19999/Rp10 juta-Rp19.99 juta	12	24	16	32
RM20 ribu-RM29999/Rp20 juta-29.99 juta	2	4	5	10
RM30 ribu-RM39999/Rp30 juta-Rp39.99 juta	3	6	1	2
Melebihi RM50 ribu/Melebihi Rp50 juta	2	4	0	0

Jadual 4: Purata Skor dan Sisihan Piawai

Faktor/Negara	Malaysia		Indonesia	
	Purata	Sisihan Piawai	Purata	Sisihan Piawai
Hubungan Perniagaan	4.196	1.028	3.692	1.151
Khidmat Bantuan	4.196	1.537	1.864	1.248
Peraturan dan Polisi Kerajaan	4.140	1.483	2.208	1.275

Analisa Inferensi

Analisa ujian T sampel bebas digunakan untuk mengukur samada terdapat perbezaan purata skor yang signifikan antara perniagaan kraf di Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan Jadual 5, dapat dirumuskan bahawa kesemua hipotesis null (H_0) telah ditolak. Nilai aras signifikan bagi pembolehubah-pembolehubah adalah kurang dari aras signifikan 0.05 bagi pembolehubah hubungan perniagaan ($p=0.023$), khidmat bantuan ($p=0.00$) dan peraturan dan polisi kerajaan ($p=0.00$). Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara purata skor bagi perniagaan kraftangan di Malaysia dan di Indonesia.

Jadual 5: Keputusan Ujian t

Faktor-faktor	Statistik t	Aras Signifikan	Keputusan
Hubungan Perniagaan	2.309	0.023	H_0 Ditolak
Khidmat Bantuan	8.325	0.000	H_0 Ditolak
Peraturan dan Polisi Kerajaan	6.982	0.000	H_0 Ditolak

Perbincangan

Artikel ini membincangkan tiga faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan di dalam industri kraf iaitu hubungan perniagaan, khidmat bantuan serta peraturan dan polisi kerajaan. Sungguh pun kajian-kajian sebelum ini menjurus kepada penyelidikan di industri kraf, walau bagaimanapun kajian yang melihat kepada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi perniagaan kraf terutama di negara-negara membangun amat kurang. Oleh itu, kajian ini menjurus kepada faktor-faktor yang dinyatakan sebelum ini dan memberi fokus kepada dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Artikel ini juga membuat analisa perbandingan skor antara ketiga-tiga faktor antara industri kraf di kedua-dua negara tersebut.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pernyataan hipotesis telah ditolak. Keputusan hipotesis pertama didapati terdapat perbezaan skor antara hubungan perniagaan antara industri kraf di Malaysia dan Indonesia. Sememangnya hubungan perniagaan amat penting buat sesebuah perniagaan terutama di awalan perniagaan dan kebergantungan kepada bahan mentah (Surin et al., 2017). Jika disorot akan literatur industri kraf ini, sebahagian besar perniagaan kraf ini memusat kepada skil individu untuk penghasilan produk yang bermutu tinggi. Perhubungan usahawan kraf dengan usahawan-usahawan yang lain menjurus kepada penghasilan barangan yang sama jenis. Oleh itu, terdapat satu jurang bagi sesuatu jenis perniagaan di dalam industri kraf ini untuk berhubungan dengan perniagaan yang lain. Selain itu, berlainan visi di dalam perniagaan juga mewujudkan jurang untuk usahawan-usahawan duduk bersama dan menyertai persatuan (Zulaikha dan Breretton, 2012). Oleh itu, kadar perhubungan antara usahawan kraf ini agak terbatas. Pernyataan ini juga diakui oleh kajian yang dijalankan di daerah Semarang, Indonesia. Didapati masih terdapat pengusaha perniagaan yang kurang berkomunikasi dengan pihak lain berkenaan perniagaan (Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kota Semarang, 2021).

Hipotesis kedua menyarankan tiada perbezaan skor antara khidmat bantuan di industri kraf antara Malaysia dan Indonesia. Walaubagaimanapun hipotesis ini ditolak. Ini membuktikan bahawa terdapat percanggahan persepsi terhadap khidmat bantuan yang diterima. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perbezaan skor ini. Fabeil (2013) mendapati lebih 50 peratus usahawan kraf mendapat khidmat bantuan terutama dari pihak kerajaan. Antara bantuan yang diterima adalah alatan pengeluaran, bahan mentah, ruang niaga dan bantuan kemahiran teknikal. Bagaimanapun, ada segelintir usahawan yang enggan untuk mendapatkan bantuan. Faktor-faktor seperti proses yang rumit, bantuan yang memerlukan cagaran dan simpanan

tertentu serta kadar faedah yang tinggi juga dikenalpasti penyumbang kepada keengganan ini (Mohamad Akhir dan Ismail, 2015). Manakala, di Indonesia khidmat bantuan agak sukar diberikan kepada pengusaha atas beberapa faktor. Antara faktor yang menyumbang kepada kesukaran pemberian khidmat adalah saiz pengusaha sendiri yang bersifat mikro dan tiada kecenderungan untuk memerlukan khidmat bantuan. Malah ada pengusaha sendiri yang kurang menonjol sehinggakan kerajaan dan pihak swasta agak sukar memberikan khidmat bantuan (Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kota Semarang, 2021). Bantuan-bantuan yang disalurkan juga didapati kurang sesuai untuk usahawan-usahawan kraf terutama melibatkan khidmat latihan skil disebabkan sifat semulajadi industri kraf itu sendiri yang menitikberatkan skil individu yang berbeza (Zulaikha dan Breretton, 2012). Pernyataan ini dapat dilihat dengan purata skor 1.864 yang dikira terlalu rendah.

Hipotesis yang ketiga yang memperuntukkan tiada perbezaan skor untuk peraturan dan polisi kerajaan juga ditolak. Walaupun tiada kajian empirik yang dapat merungkai perbezaan skor ini, walaubagaimanapun didapati persekitaran perniagaan di Indonesia agak kurang mesra terhadap pembangunan sesebuah perniagaan. Negara membangun seperti Indonesia agak ketinggalan dari segi penyediaan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, polisi berasaskan teknologi dan infrastruktur yang canggih (Pribadi dan Kanai, 2011). Malah, polisi kerajaan untuk menyalurkan bantuan kepada usahawan juga tidak dapat dilaksanakan. Ini disebabkan oleh kekurangan dana hasil ketidakupayaan usahawan yang meminjam untuk melakukan pembayaran semula (Mawardi et al., 2011).

Cadangan dan Kekangan

Kajian ini melibatkan usahawan-usahawan kraf di dua negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Kajian selanjutnya diharap dapat menumpukan perhatian terhadap analisa perbandingan usahawan kraf di negara serantau seperti Vietnam. Negara Vietnam ketika ini sedang memacu pertumbuhan bagi industri kraf ini kerana mempunyai bahan mentah dan tenaga kerja mahir yang ramai. Selain itu, kajian selanjutnya disaran dapat memperoleh lebih ramai responden supaya dapat memberi gambaran keseluruhan yang lebih baik.

Kajian ini tidak mungkin dapat dijalankan secara teratur dan terdapat beberapa kekangan yang didapati. Pertama, kutipan data kajian di industri kraf di Malaysia dijalankan ketika Hari Kraf Kebangsaan berlangsung. Sungguhpun terdapat usaha untuk mendapatkan lebih respon seperti pemberian borang kaji selidik ditadbir sendiri selepas berakhirnya Hari Kraf Kebangsaan, bagaimanapun jumlah respon yang dikutip kurang memuaskan. Kedua, kutipan data kajian di Indonesia dilakukan secara bersemuka dan kedudukan setiap pengusaha kraf agak jauh antara satu sama lain. Dan ini memakan sedikit masa untuk menyelidik mendapatkan lebih respon. Malah, didapati segelintir usahawan tidak memberi kerjasama untuk menjawab borang soal selidik. Yang terakhir, setiap item telah dilakukan kesahan kandungan menggunakan bahasa setempat untuk pengusaha kraf di Daerah Semarang, akan tetapi masih ada segelintir pengusaha yang masih memerlukan penjelasan lanjut. Proses ini memakan sedikit masa dan akhirnya hanya 50 respon sahaja dapat dikutip.

Penghargaan

Para penyelidik berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini dibawah Geran Lestari Khas 600-IRMI 5/3/LESTARI (067/2019) dan juga Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Puan Siti Mariam Sidek, Pegawai Ehwal Ekonomi di Kompleks Kraf Kuala Lumpur atas bantuan untuk kerja-kerja pengumpulan data.

Rujukan

- Abdullah, M. A. (1999). The Accessibility of the Government Sponsored Support Programmes for Small and Medium-sized Enterprises in Penang. *Cities*, 16(2), 83-92.
- Abu Bakar, M. R. (2008). *Tahap Kesempaan Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan (BKKK) Terhadap Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di Kedah*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Asri, S. (2021). Tak Lapuk dek Zaman. *Harian Metro*. Dicapai pada 13 Ogos 2022 daripada <https://www.hmetro.com.my/akademia/2021/11/774919/tak-lapuk-dek-zaman>
- Astawi, N. (2011). *Polisi dan Strategi Pembangunan Keusahawanan Melalui Projek Pembasmian Kemiskinan di Perbandaran (P2KP): Kajian Implikasi Masyarakat Islam di Cirebon, Jawa Barat, Indonesia*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- BERNAMA (2022). Vietnam Bakal Bangunkan 301 Perkampungan Kraf Menjelang 2030. Dicapai pada 12 Ogos 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/vietnam-bakal-bangunkan-301-perkampungan-kraf-menjelang-2030-371515>
- Birley, S. (1985). Birley, S. (1985). The Role of Networks in the Entrepreneurial Process. *Journal of Business Venturing*, 1(1), 107-117.
- Chow, M. W. (2004). *Usahawan Cina dalam Firma Skala Kecil dan Sederhana di Lembah Kelang*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Dasar Keusahawanan Nasional (2019). Kementerian Pembangunan Usahawanan, Putrajaya, Malaysia.
- Fabeil, N. F. (2013). *Entrepreneurship in Rural Malaysia: An Investigation of Handicraft Producers in Sabah Region*. Tesis PhD, The University of Edinburgh, Scotland.
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., Mizal, K dan Langgat, J. (2014). *The Orientation of Handicraft Entrepreneurs in Sabah: Their Personality Characteristics and Motivations*. Prosiding di 2nd ASEAN entrepreneurship Conference, Shangri-La Rasa Sayang Resort, Pulau Pinang.
- Fabeil, N. F., Marzuki, K. M., Pazim, K. H. dan Langgat, J. (2015). *Handicraft as Tourism Product: The Importance of Support Context to Small Handicraft Entrepreneurs in Sabah*. Prosiding di International Conference on Natural Resources, Tourism and Services Management 2015 (ICNTS 20150, Sabah, Malaysia).
- Hulin, C., Netemeyer, R. dan Cudeck, R. (2001). Can a Reliability Coefficient be too High? *Journal of Consumer Psychology*, 10(1), 55-58.
- Kader, R. A., Mohamad, M. R. dan Ibrahim, A. A. C. (2009). Success Factors for Small Rural Entrepreneurs under the One-District-One-Industry Program in Malaysia. *Contemporary Management Research*, 5(2), 147-162.
- Lewis, K., Massey, C., Ashby, M., Coetzer, A., dan Harris, C. (2007). Business Assistance for SMEs: New Zealand Owner-managers Make Their Assessment. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 14(4), 551-566.
- Malaysia (1991). *Sixth Malaysia Plan: 1991-1995*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. National Printing Department: Kuala Lumpur.
- Malaysia (2001). *Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Act 1979*. MDC Publishers Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur.
- Mawardi, M. K., Choi, T. dan Perera, N. (2011). *The Factors of SME Cluster Developments in a Developing Country: The Case of Indonesian Clusters*. Kertas Kerja. Universiti Wollongong, Australia.
- Mohamad Akhir, N. H. dan Ismail, N. W. (2015). *Permasalahan dalam Pembangunan Industri Batik di Terengganu*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10. Melaka.

- Nik Day, N. A. (2015). *Perkembangan Industri kraf Tangan dan Kesannya kepada Ekonomi di Negeri Kelantan*. Projek Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Saad, M. N. (2014). *Determinants of Internalization and Performance of SMEs in Malaysia*, Tesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Malaya, Malaysia.
- Pettersen, I. B., Asrstad, J., Hovig, O. S. dan Tobiassen, A. E. (2016). Business Incubation and the Network Resources of Start-ups. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 5(7), 1-17.
- Pfeffer, G. R. dan Salancik, J. (1978). *The External Control of Organizations*. Harper and Row: New York.
- Pribadi, H. dan Kanai, K. (2011). Examining and Exploring Indonesia Small and Medium Enterprise Performance: An Empirical Study. *Asian Journal of Business and Management*, 3(2), 98-107.
- Rogerson, C. (2010). The Enterprise of Craft: Constraints and Policy Challenges in South Africa. *Acta Academica*, 42(3), 115-144.
- Sahari, M. N. (2011). *Warisan Anyaman Kraf semakin Dilupakan*. The Borneo Post Online. Dicapai pada 5 Ogos 2022 daripada <https://www.theborneopost.com/2011/05/26/warisan-anyaman-kraf-semakin-dilupakan/>
- Sinar Harian (2021). 150 Usahawan Keluar Bidang sepanjang Pandemik COVID-19. Dicapai pada 2 Ogos 2022 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/166644/berita/nasional/150-usahawan-kraf-keluar-bidang-sepanjang-pandemik-covid-19>
- Surin, E. F. (2014). *Moderating Role of Human Capital on the Relationship between Social Network and Business Performance of Established Small and Medium Enterprises*, Thesis PhD, Universiti Teknologi MARA.
- Surin, E. F. dan Wahab, I. A. (2013). *The Effect of Social Network on Business Performance in Established Manufacturing Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia*. Prosiding di 4th International Conference on Business, Economics and Tourism Management (CBETM 2013), Pulau Jeju, Korea Selatan.
- Surin, E. F., Edward, O. T., Hussin, M. H. F. dan Wahab, I. A. (2017). Recognising the Importance of Strategic Business Network on Business Performance of SME Manufacturing Firms in Malaysia: Analysing the Moderating Influence of Human Capital and Business Environment. *International Journal of Arts and Sciences*, 9(4), 31-44.
- Wan Teh, W. H. (1996). *Malay Handicraft Industries: Origins and Development*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Wang, W. K., Lu, W. M., Ting, I. W. K. dan Chen, Y. H. (2021). Social Networks and Dynamic Firm Performance: Evidence from the Taiwanese Semiconductor Industry. *Revista de Contabilidad Spanish Accounting Review*, 24(1), 62-74.
- Zulaikha, E. dan Brereton, M. (2012). *Participatory Innovation to Develop Traditional Indonesian Craft Industries*. Di dalam Tunstall, E. dan Clausen, M. (Eds.). Prosiding di Participatory Innovation Conference 2012, University of Swinburne, Australia, 1-5.